



## JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

### IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 33 (HUKUM MENIPU DALAM PILIHANRAYA)

Umat Islam khususnya dan rakyat Malaysia amnya tidak seharusnya mengasingkan diri daripada sistem pengundian semasa pilihanraya umum sama ada suka atau tidak, kerana proses pengundian ini merupakan mekanisma tunggal yang menjadi penentu siapakah yang bakal menerajui tumpuk kepimpinan Negara yang akan memimpin dengan adil dan saksama.

Jabatan Mufti Negeri Perak mengingatkan agar sepanjang tempoh berkempen dan semasa proses pembuangan undi, umat Islam dinasihatkan supaya menjauhkan diri daripada perbuatan khianat dan menipu yang dilarang oleh agama.

Perbuatan menipu termasuk dalam dosa-dosa besar dan merupakan suatu keaiban yang keji. Malah, para ulama telah menyatakan *ijma'* akan pengharamannya. Hal ini adalah sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al Hajj ayat 30:

فَاجْتَنِبُوا الْرِّجْسَ مِنَ الْأَوْثَانِ وَاجْتَنِبُوا قَوْلَ الْزُّورِ

**Maksudnya:** "Maka jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan oleh penyembahan berhala, serta jauhilah perkataan yang dusta."


Keterlibatan ini bukan sahaja tertakluk kepada para pengundi, malah kepada para petugas serta pihak yang terlibat mengelolakan proses pengundian sepanjang pilihanraya umum ini.

Antara contoh penipuan yang berlaku sepanjang tempoh berkempen termasuklah menjanjikan manifesto yang pada adatnya sukar untuk dilaksanakan, memfitnah pihak lain semata-mata untuk meraih sokongan, serta menyebarkan risalah-risalah palsu demi mencipta imej buruk pihak lawan kepada orang lain.

Penipuan sepanjang proses pengundian pula seperti pemalsuan identiti, pengundian dua kali, dan sebarang aktiviti yang mengganggu ketelusan proses pilihanraya.

Sebarang unsur penipuan dan ketidaktelusan mestilah dielakkan agar proses pilihanraya ini benar-benar menatijahkan keputusan yang benar tanpa sebarang pertikaian dan penyesalan di kemudian hari.

Tarikh : 16 November 2022  
No. Fail: MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Sd/". It is enclosed within a large, roughly circular outline, likely a redaction mark.

**(DATO' HAJI WAN ZAHIDI BIN WAN TEH)**  
Mufti Negeri Perak  
Darul Ridzuan